

→ ISU

SISWA IKAT PERUT

Kementerian teliti lebih terperinci

➔ Pastikan masalah tak jejas prestasi akademik golongan B40

Oleh Abdul Razak Raaff,
Mohd Azrone Sarabatin,
Syalkha Sazili, Nur Izzati
Mohamad, Noorazura
Abdul Rahman dan
Nurul Amanina Suhaini
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kementerian Pendidikan akan memastikan pengajian pelajar daripada keluarga berpendapatan 40 peratus terendah (B40) tidak terjejas akibat 'mengikat perut' di kampus.

Menterinya, Dr Maszlee Malik, berkata isu berkenaan sepatutnya tidak berlaku kerana dibimbangi menjejaskan prestasi akademik mereka.

"Susulan itu, Kementerian Pendidikan meneliti maklumat lebih terperinci mengenai perkara ini. Kita komited memastikan mahasiswa daripada golongan B40 tidak terkesan dalam akademik mereka hanya kerana kelaparan.

"Isu sebegini tidak seharusnya berlaku," katanya kepada BH, di

sini, semalam.

BH Ahad dalam laporan muka depan, semalam, mendedahkan sebilangan pelajar Universiti Malaya (UM) mengikat perut dengan hanya makan sekali sehari, kerap berpuasa dan bergantung pada sebungkus roti untuk dua hari akibat kekangan kewangan.

Kesempatan hidup dialami pelajar keluarga berpendapatan B40 itu yang terpaksa berjamat cermat demi meneruskan pengajian masing-masing.

Ramai mencatu wang saku diberi keluarga dengan memilih menu paling menjimatkan daripada membeli makanan di kafe tertentu yang didakwa agak mahal, sehingga ada yang terdedah kepada serangan gastrik.

Kos sara hidup meningkat

Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor dan Rektor Universiti Awam Malaysia, Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar, pula berkata masalah kewangan dan tanggungan kos sara hidup kian meningkat menyebabkan ramai pelajar universiti awam berjamat dalam perbelanjaan harian hingga menjejaskan kualiti pemakanan.

Beliau menguak majoriti pelajar terbahat dalam kalangan keluarga B40 dan golongan asnaf di universiti yang perlu diberi perhatian kerana memerlukan makanan berkhasiat untuk meneruskan pengajian serta menghadapi peperiksaan.

"Walaupun ramai individu dan

pihak korporat memberi sumbangan, jumlah itu belum mencukupi dan memerlukan lebih ramai membantu, khususnya sumbangan kewangan, makanan mentah dan sudah dimasak.

"Kebajikan pelajar keluarga B40 perlu diberi perhatian dan mereka sepatutnya mendapat pembelaan menerusi demasiswa dan pemberian zakat kepada golongan asnaf," katanya kepada BH, semalam.

Nor Aieni yang juga Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berkata, di universiti itu, kempen *Act of Kindness* (AOK), sumbangan daripada warga universiti dan pihak komuniti tempatan menyelesaikan masalah mereka yang memerlukan makanan.

"Program Gerobok Rezeki dilaksanakan juga dapat membantu pelajar keluarga miskin," katanya.

Sementara itu, di Kuantan, Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Skuad MyGift melaksanakan program *Food For All*, sarapan pagi dan makan tengah hari percuma kepada pelajar UMP tidak berkemampuan setiap hari di masjid UMP di Gambang dan Pekan.

Program itu juga menyediakan juadah makan malam pada setiap Khamis sebagai juadah berbuka puasa bagi pelajar yang berpuasa.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Datuk Dr Yuserrrie Zaimuddin, berkata UMP mengadakan kelab bagi inisiatif pada peringkat jabatan ba-

gi membantu kebajikan pelajar, termasuk mendapatkan makanan percuma di fakulti dan jabatan lain sekitar kampus.

Beliau berkata, projek itu juga bagi menyokong program MyGift UMP yang giat dijalankan, khususnya membantu pelajar dan komuniti setempat.

Program Kongsi Rezeki

Sebagai contoh, katanya, Program Kongsi Rezeki turut dijalankan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dengan kerjasama ka-feteria universiti dengan menyediakan perk makanan untuk diagihkan kepada pelajar UMP di kampus Gambang dan Pekan, khususnya bagi mereka ada masalah kewangan kritikal dan layak menerima manfaat ini.

"Inisiatif Sarapan Percuma daripada Perwakilan Kolej Kediaman (PEKA) membantu mereka pada waktu tertentu, manakala Projek Gerobok Rezeki #BPACare pula menyasarkan pelajar kurang mampu dengan meletakkan satu almari ditempatkan di Pejabat Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) Gambang dan Pekan untuk mereka mengambil apa sahaja barangan keperluan percuma," katanya.

Di Georgetown, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Aldrin Abdullah, berkata USM kini dalam perancangan melaksanakan program *foodbank* diwujudkan tidak lama lagi, selain memberi bantuan

zakat kepada pelajar yang layak.

"Ada juga beberapa inisiatif di-ambil pusat pengajian di sini apabila membekalkan snek percuma kepada pelajar tidak berkemampuan," katanya di sini, semalam.

Di Johor Bahru, Timbalan Pendaftar Hal Ehwal Pelajar (HEP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Arman Md Yasin, berkata pihaknya tidak menerima laporan mengenai isu siswa yang mempunyai keamatan perbelanjaan harian sehingga mendesak mereka 'mengikat perut'.

"Bagaimanapun, katanya, pihak universiti tetap mengambil inisiatif melaksanakan beberapa program yang bertujuan membantu pelajar. Selain pemberian Biasiswa Endowment yang bersifat terhad, satu program yang dinamakan *Be Care Chancellor's Fund* (BWCCF) turut dilaksanakan sejak 2016 bermatlamat membantu pelajar yang terputus belanja untuk membeli makanan.

"Program ini disalurkan menerusi pemberian buku kupon bernilai RM300 kepada setiap pelajar terlahir menerusi proses saringan secara temu bual.

"Selain itu, turut diperkenalkan, iaitu *Suspended Meal* dengan konsep menaja makanan dibayar oleh penderma di ka-feteria. Di bawah HEP Johor Bahru terdapat 10 ka-feteria bekerjasama dalam bantuan ini, pelajar boleh mengambil makanan bermagnat bernilai RM5 setiap satu sebagai bayaran tunai," katanya ketika dihubungi.